



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

TALIAN KHAS BAJET 2015 DAN SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN, LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Cyberjaya, 9 Oktober – Sukacita dimaklumkan bahawa sempena pembentangan Bajet 2015, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) akan membuka Talian Khas Bajet 2015 pada **13 Oktober 2014 (Isnin) mulai pukul 9.00 pagi sehingga 4.00 petang**. Tujuan Talian Khas Bajet 2015 ini diwujudkan adalah bagi membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat dan penerangan lanjut berhubung isu-isu percukaian selepas ucapan Bajet 2015 oleh YAB Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia. Nombor talian khas yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:

1-800-22-8313

Seminar Percukaian Kebangsaan di seluruh negara

Di samping itu, susulan daripada pembentangan Bajet 2015 ini juga LHDNM akan menganjurkan Seminar Percukaian Kebangsaan di 24 lokasi seluruh negara. Seminar ini diharap akan dapat memberikan pemahaman yang lebih jelas berkaitan sebarang pindaan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 serta akta-akta berkaitan yang dibentangkan melalui Bajet 2015. Selain itu, ia akan membantu LHDNM untuk melahirkan khalayak pembayar cukai yang celik cukai.

Sehubungan itu, kami menyeru pembayar cukai, pengamal percukaian, akauntan, perancang kewangan, setiausaha dan pengarah syarikat serta orang ramai yang berminat untuk menghadiri seminar ini bagi mengemaskini pengetahuan percukaian mereka. Tarikh dan lokasi seminar adalah seperti berikut:

Tarikh	Hari	Lokasi Seminar
21 Oktober 2014	Selasa	Kuala Lumpur
27 Oktober 2014	Isnin	Pulau Pinang
		Kota Bharu
		Kota Kinabalu
		Kluang
		Seremban
		Sungai Petani
28 Oktober 2014	Selasa	Ipoh
		Labuan
		Kuantan
		Kuching

29 Oktober 2014	Rabu	Johor Bahru
		Sibu
		Tawau
30 Oktober 2014	Khamis	Melaka
		Bukit Mertajam
		Muar
		Miri
		Sandakan
11 November 2014	Selasa	Bintulu
		Keningau
		Taiping
12 November 2014	Rabu	Shah Alam
		Kuala Terengganu

Sila layari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my atau klik pautan di bawah untuk keterangan lanjut.

http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/JADUAL_1.pdf

###

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

Masrun Bin Maslim | Pegawai Perhubungan Awam (Media)

Bahagian Komunikasi Korporat | Jabatan Khidmat Korporat | Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21326 / 21354 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN) | Laman Web : www.hasil.gov.my

Tarikh : 9 Oktober 2014

Kenyataan Media LHDNM, 9 Oktober 2014